

CNS8637

R GB 22-07 @0177 BD606

aab

Ulangan dengan Pembetulan

Mahathir - Asean

KEJAYAAN ASEAN DAPAT PERHATIAN KURANG MENYENANGKAN, KATA DR MAHATHIR

Embargo Untuk Siaran selepas Jam 10 malam

I

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Kejayaan Asean nampaknya mendapat perhatian yang tidak menyenangkan dan usaha sedang dilakukan untuk memperlakiskan pembangunannya melalui standard asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata, negara Asean perlu bersatu jika hendak memerangi tindakan tidak sihat ini.

"Untuk membina masyarakat Asean yang padu, kita tidak seharusnya memberi tumpuan kepada hubungan politik atau tentera sahaja. Hubungan perdagangan dan budaya juga tidak kurang berkesan ke arah pemupukan persaudaraan Asean yang mantap," kata beliau pada majlis penyampaian Anugerah Pencapaian Asean ke-3 di sini.

"Kita harus berusaha ke arah pembentukan masyarakat yang unggul daripada segi ekonomi dan teknologi dengan berkongsi kepakaran, pengalaman dan pemikiran supaya faedahnya dapat dikongsi bersama," kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun memang benar prestasi ekonomi negara-negara Asean secara individu mendapat pujian tetapi banyak masalah belum dapat diatasi. -- Lagi

▼22/07/20-39MST

CNS8639

R GB 22-07 @0137 BD607

aab

Mahathir - Asean 2 Kuala Lumpur (Embargo)

"Kemiskinan masih membelenggu kebanyakan negara Asean dan tindakan positif perlu diambil bagi membetulkan ketidakseimbangan antara negara kaya dan negara miskin," kata beliau.

Dalam pada itu, tumpuan harus diberi kepada usaha meningkatkan jagaan kesihatan dan menaikkan taraf pendidikan rakyat kerana tanpa kesihatan yang baik dan pendidikan, kemajuan menjadi sukar.

Justeru itu, pelbagai program, baik sosial mahupun pendidikan, perlu dijalankan untuk memupuk hubungan yang erat di kalangan negara anggota Asean, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, Asean perlu meneruskan tumpuan kepada pelaburan dalam pendidikan kerana di dunia sekarang, pengetahuan baru sedang berkembang.

Masyarakat sekarang tidak perlu ke seberang laut untuk melanjutkan pendidikan kerana institusi pendidikan di rantau ini juga tidak kurang berwibawa dan menawarkan pelbagai kursus, kata beliau. -- Lagi

▼22/07/20-40MST

CNS8640

R GB 22-07 00141 BD608

aab

Mahathir - Asean 3 Kuala Lumpur (Embargo)

"Negara Asean harus membuka institut pendidikan mereka kepada satu sama lain," kata beliau.

Beliau berkata, oleh kerana sektor swasta selalu menggerakkan pertumbuhan, ia perlu terus memperkenalkan idea, inovasi dan pendekatan yang boleh dimajukan demi kepentingan bersama di rantau Asean.

"Kerajaan boleh menawarkan pelbagai kemudahan daripada segi politik, keselamatan dan infrastruktur tetapi ahli perniagaan perlu meneroka peluang-peluang perdagangan yang wujud di rantau ini," kata Dr Mahathir.

"Nilai-nilai Asia telah menjadi kekuatan kami dan oleh itu, kami akan mengambil langkah bagi memastikan nilai-nilai ini diserapkan ke dalam masyarakat untuk generasi akan datang," kata beliau.

Beliau berkata, tanpa iltizam yang kuat ini kepada masyarakat, keluarga dan negara, usaha Asean untuk mengejar kemajuan yang dicapai oleh negara maju akan menemui kegagalan, kata beliau. -- Laqi

▼22/07/20-42MST

CNS8711

U GB 23-07 00149 BC772

aab

(Ulangan dengan pembetulan pada para 2).

Mahathir - Asean 4 (akhir) Kuala Lumpur

Majlis itu ialah anjuran Asean Business Forum iaitu satu daripada pertumbuhan perniagaan swasta yang tertumpu bagi meningkatkan perdagangan di kalangan negara Asean.

Dr Mahathir kemudian menyampaikan anugerah kepada 10 penerima termasuk pengasas Public Bank Bhd Tan Sri Dr Teh Hong Piow yang dinamakan sebagai Tokoh Perniagaan Asean tahun ini.

Anugerah itu ialah bagi menghargai pencapaian cemerlang individu dalam pelbagai bidang.

Pemenang lain ialah Leandro Locsin dari Filipina (seni bina), Dr Wiratman Wangsadinata dari Indonesia (kejuruteraan), Prof Dr Teera Ramasoota dari Thailand (perubatan), Dr Andy Hor Tzi Sum dari Singapura (sains), Ramon Orlina dari Filipina (seni tampak), Seree Vangnaitham dari Thailand (seni pentas), Dr Ee Peng Liang dari Singapura (sumbangan kepada masyarakat) dan Susi Susanti dari Indonesia (sukan). -- Bernama

JM FAZ AZ.

▼23/07/00-43MST